

skema jawapan

Perenggan 1(Perenggan Pendahuluan)

Aku merupakan salah seorang ahli Kelab Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Payong. Pada cuti penggal yang lepas, kelab ini telah mengadakan Kem Motivasi Diri di Hutan Lipur Air Terjun Sekayu. Kem motivasi selama tiga hari dua malam ini disertai oleh 40 orang peserta bersama-sama 5 orang fasilitator. Kami tiba di tempat itu pada pukul 9.00 pagi. Inilah pengalaman pertama aku menyertai program seperti ini.(1)

Perenggan 2(isi)

Fasilitator yang bertugas, iaitu Encik Mohd Hazli telah memberikan taklimat ringkas kepada para peserta tentang atur cara kem motivasi itu. Para peserta diingatkan agar senantiasa mematuhi arahan fasilitator yang bertaauliah demi keselamatan masing-masing. Para peserta dilarang sama sekali merayau-rayau di hutan lipur itu tanpa keizinan petugas. Peserta yang mengingkari arahan akan dikenakan tindakan tatatertib. Arahan itu dikeluarkan supaya para peserta tidak melakukan sesuatu sehingga boleh membahayakan diri mereka.(2)

Perenggan 3(isi)

Sepanjang kem motivasi ini yang bermula pada pukul 9.30 pagi para peserta telah didedahkan kepada beberapa aktiviti lasak. Aktiviti ini memerlukan kerjasama, ketabahan, keyakinan diri, serta ketahanan mental dan fizikal. Antaranya termasuklah 'Flying Fox' yang menghendaki para peserta menyeberangi arus sungai yang deras dengan menggunakan tali yang direntang. Aku tahu sahabat-sahabatku yang lain juga gementar sepertiku. Setiap peserta mencuba bersungguh-sungguh apabila tiba giliran masing-masing. Aku menguatkan semangat untuk melakukan aktiviti ini. Aku yakin aku mampu berbuat demikian seperti orang lain. Aku bersyukur kerana akhirnya aku berjaya melepasi halangan ini.(3)

Perenggan 4(isi)

Selain itu , pada hari berikutnya pula para peserta diberi tunjuk ajar cara menuruni tebing batu yang curam. Gementar rasa hatiku apabila melihat jurang sedalam kira-kira 30 meter itu yang perlu aku turuni. Sebelum aktiviti diadakan, kami diberikan seutas tali untuk diikatkan pada badan masing-masing. Kami dinasihatkan agar senantiasa berwaspada dan memberikan tumpuan ketika memijak batu. Jika kami tersilap langkah, padah akibatnya. Berkat ketabahan dan keyakinan diri, hampir kesemua peserta berjaya mengatasinya tanpa mengalami sebarang kecederaan. (4)

Perenggan 5 (isi)

Manakala untuk pengisian rohani pula, sepanjang kami berada di sini, kami telah diminta mendirikan solat secara berjemaah pada setiap kali masuk waktu solat. Kami juga dikehendaki mendengar takziah selepas solat Subuh dan Maghrib yang disampaikan oleh Ustaz Alias dan Ustaz Wan Hassan secara bergilir-gilir. Pada pukul 4.00 pagi pula kami dikehendaki berkumpul untuk aktiviti Qiamulail. Aktiviti berakhir jam 6.30 pagi selepas solat Subuh. (5)

Perenggan 6 (Perenggan penutup/ kesimpulan)

Ternyata Kem Motivasi Diri itu telah berjaya menyemaikan nilai-nilai positif dalam diri kami. Kami telah mematuhi arahan fasilitator walaupun umur mereka sebaya dengan kami. Kem motivasi ini juga berjaya menyedarkan kami tentang kepentingan penghayatan agama, disiplin, semangat setia kawan, bersatu hati, bekerjasama dan tidak mementingkan diri apabila bergerak dalam satu kumpulan. (6)